

Isnin, 27 Januari 2020 | 11:13am



PPM tahan dua suspek disyaki cuba menyeludup 1,130 liter minyak petrol di Pulau Boheyen. - Ihsan PPM

## 2 lelaki ditahan disyaki seludup minyak petrol

Oleh Abdul Rahemang Taiming

bhnews@bh.com.my

**SEMPORNA:** Pasukan Polis Marin (PPM) menggagalkan cubaan dua lelaki menyeludup 1,130 liter minyak petrol menerusi Ops Pensura di Pulau Boheyen, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian jam 5 petang semalam, pasukan PPM yang menggunakan "bot samaran" menahan seorang lelaki tempatan selepas disyaki terbabit dengan kegiatan penyeludupan barang kawalan di pulau itu.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohanad Pajeri Ali, berkata ketika ditahan suspek berusia 34 tahun itu sedang leka memungkah tong berisi minyak dari bot ke dalam sebuah rumah di pulau terbabit.

"Katanya, pihaknya turut menahan seorang lagi suspek warga asing berumur 40 tahun di dalam rumah terbabit dipercayai terbabit dalam kegiatan sama.

"Pemeriksaan lanjut di dalam rumah itu, kita menemukan 14 tong putih (setiap satu berisi 25 liter) dan 26 tong Biru (setiap satu berisi 30 liter) minyak petrol disyaki hendak diseludup ke Filipina,"

"Kedua-dua suspek gagal mengemukakan permit atau dokumen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkaitan pemilikan kesemua barang kawalan terbabit," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Mohamad Pajeri berkata, pihaknya percaya modus operandi suspek adalah memperoleh bekalan minyak petrol secara sedikit demi sedikit sebelum dikumpul untuk diseludup dan dijual ke negara jiran.

"Kedua-dua suspek ditahan bersama barang rampasan termasuk sebuah bot dan enjin sangkut dengan nilai keseluruhan dianggarkan berjumlah RM18,471.20 dibawa ke Markas Operai PPM Semporna.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawal Bekalan 1961," katanya.

